

03 APR 2002

UMAT ISLAM KETEPIKAN AJARAN AL-QURAN PUNCA PERPECAHAN

KUALA TERENGGANU, 3 April (Bernama) -- Timbalan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata perpecahan umat Islam bukan berpunca daripada ulama tetapi disebabkan umat Islam tidak lagi berpegang kepada ajaran Al-quran.

Beliau berkata Al-Quran merupakan petunjuk kepada orang Islam dan perpecahan akan berlaku sekiranya umat Islam mula mengeneipkan ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran.

Beliau berpendapat adalah lebih baik supaya dihentikan sikap menunding jari menyalahkan antara satu sama lain berhubung perpecahan umat Islam, sebaliknya semua pihak termasuk PAS dan Umno harus mengadakan muzakarah.

"Jadi kita tak mahu tuduh menuduh, oleh kerana ianya lebih baik bagi ulama-ulama PAS dan Umno bermuzakarah berpandukan quran," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan exco di sini hari ini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa perpecahan dalam masyarakat Islam adalah disebabkan ulama songsang yang membuat tafsiran agama yang salah tetapi tidak mahu menerima teguran.

Ditanya kenyataan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim bahawa kerajaan negeri tidak ada hak dalam melaksanakan undang-undang jenayah kerana ia bertentangan dengan perlembagaan persekutuan, Abdul Hadi berkata kerajaan negeri bersedia mengadakan perbincangan secara rasmi dengan kerajaan pusat berhubung perkara itu.

-- BERNAMA

MRA RON